

RHB BANK BERHAD
RHB Credit Card Services
Travel Accident Insurance Coverage
Platinum Card
TERMS AND CONDITIONS

Certificate of Insurance

Covered Person :

A person shall be a Covered Person under Master Policy No. D02ATCC8507972KL only if:

- 1. He or she is :**
 - a) a cardmember who has a RHB Visa/ Mastercard Platinum Card issued by RHB Bank Centre in his or her name, or**
 - b) the spouse or dependent children under age of 23 of any eligible person described in a) above; and**
- 2. His or her RHB VISA/MASTERCARD Platinum Card account is billed from Malaysia.**

A. Travel Accident Insurance

<u>SCHEDULE OF BENEFITS</u>	<u>PLATINUM CARDHOLDER</u>
Loss of Life / Permanent Total Disablement	RM1,000,000
Loss of Both Hand or Both Feet	RM1,000,000
Loss of One Hand and One Foot	RM1,000,000
Loss of Entire Sight of Both Eyes	RM1,000,000
Loss of Entire of One Eye and One Hand or One Foot	RM1,000,000
Loss of One Hand or One Foot	RM500,000
Loss of The Entire Sight of One Eye	RM500,000

The company will pay the applicable benefit if a Covered Person suffers a Loss from an injury while coverage is in force under the Policy, but only if such Loss occurs within 100 days after the date of a accident which caused the injury. Benefits will be paid for the greatest Loss. In no event will the Company pay for more than one Loss sustained by the Covered Person as a result of any one accident.

“Injury” means bodily injury which:

- 1. is caused by an accident which occurs while the Covered Person’s insurance is in force under the policy; and**
- 2. results in Loss insured by the policy, and**

3. creates a Loss due, directly and indirectly of all other causes, to accidental bodily injury.
"Permanent Total Disablement" as used above shall mean the Cover Person is totally and permanently disabled and prevented from engaging in each and every occupation of employment for compensation or profit for which he is reasonably qualified by reason of his education, training or experience, provided such disablement has continued for a period of twelve consecutive months and is total, continuous and permanent at the end of this period.

"Loss", as used above with reference to hand or foot, means complete and permanent severance through or above the wrist or ankle joint and, as used with reference to eye, means irrecoverable loss of the entire sight of such eye.

In no event will duplicate or multiple RHB VISA/MASTERCARD Platinum Cards obligate the insurer in excess of the highest amount payable under one such Card, as stated in the "Benefit Amount", for any one Loss sustained by one individual covered person as a result of any one accident.

DESCRIPTION OF BENEFITS

COMMON CARRIER BENEFIT

This benefit is payable if the Covered Person sustains injury as a result of:-

- a) an accident which occurs while riding solely as a passenger in or boarding or alighting from a common Carrier Conveyance for a Covered trip; or
- b) being struck by such Common Carrier Conveyance.

"Common Carrier Conveyance" means a Scheduled Airline licensed to carry passengers for hire.

A trip is a "Covered Trip" if:

1. it is a trip taken by the Covered Person between the Point of Departure and the Final Destination as shown on the Covered Person's ticket ; and
2. the Covered Person's entire fare for such trip has been charged to a RHB VISA/MASTERCARD Platinum Card prior to any injury.

Coverage Requirements:

A Covered Person will be fully insured for benefits under the Policy while taking a trip on a Common Carrier Conveyance only when the entire fare has been charged to RHB VISA/MASTERCARD Platinum Card Account.

EXCLUSIONS

The policy does not cover any Loss caused or contributed to by

- 1) suicide or self-destruction or any attempt threat, while sane;
- 2) war or any act of war whether declared or undeclared;
- 3) injury to which a contributory cause was the commission of, or attempt to commit, an illegal act by or on behalf of the Covered Person or his beneficiaries;
- 4) injury received while serving as an operator or crew member of any conveyance, or
- 5) injury received while driving, riding as a passenger in, boarding or alighting from a rental vehicle.

Payment of Benefits: Benefits for Loss of Life of a Covered person shall be paid to his/her estate. Benefits for all other Losses sustained by a Covered Person will be paid to the Covered person. If living, otherwise his/her estate.

CLAIMS

Written notice of claim must be given to RHB Insurance Bhd, Level 12, The West Wing, The Icon, No 1, Jalan 1/68F, Jalan Tun Razak, 55000 Kuala Lumpur, Malaysia, within twenty one (21) days after the occurrence or commencement of any Loss covered by this Policy, or as soon thereafter as is reasonably possible. Benefits will be payable upon receipt of due written proof of covered Loss. The benefits described herein are subject to all of the terms and conditions of the Policy which is held by RHB Bank Card Centre.

B. Flight Delay, Cancellation or Denied Boarding, Missing Connections, Delayed Luggage, Lost Luggage

COVER

1. Flight Delay, Flight Cancellation or Denied Boarding

If departure of a Covered Person's confirmed scheduled flight from any airport is delayed for four (4) hours or more, or cancelled or the Covered Person is denied boarding of the aircraft due to over-booking and no alternative transportation is made available to the Covered Person within four hours of the Scheduled departure time of such flight, the Company will indemnify the Covered Person for RHB VISA/ MASTERCARD Platinum Card charges incurred in respect of hotel accommodation and restaurant meals or refreshments up to RM800 for RHB VISA/

MASTERCARD Platinum Cardholders and RM800 for his/her Covered family Members whose fare have been charged to RHB VISA/ MASTERCARD Platinum Card Account or Maximum of RM1,000 for both the Covered RHB VISA/ MASTERCARD Platinum Cardholder and Covered Family members.

2. **Missed Connections**

If the Covered Person's confirmed onward connecting Scheduled Flight is missed at the transfer point due to the late arrival of the Covered Person's incoming confirmed connecting Scheduled Flight and no alternative onward transportation is made available to the covered Person within four (4) hours of the actual time of his or her incoming flight the Company will indemnify the Covered Person for RHB VISA/ MASTERCARD Platinum Card charges incurred in respect of hotel accommodation and restaurant meals or refreshments, up to RM800 for the Covered RHB VISA/ MASTERCARD Platinum Cardholder and RM800 for his/her Covered Family Members whose fare have been charged to RHB VISA/ MASTERCARD Platinum Card Account or a maximum of RM1,000 for both the Covered RHB VISA/ MASTERCARD Platinum Cardholder and Covered Family members.

3. **Luggage Delay**

If the Covered person's accompanied checked-in-luggage is not delivered to him or her within six (6) hours of the Covered Person's arrival at the Scheduled destination point of his or her flight the Company will indemnify the Covered Person for RHB VISA/ MASTERCARD Platinum Card charges incurred at such scheduled destination in respect of the emergency purchase of essential clothing and requisites up to RM800 for the Covered RHB VISA/MASTERCARD Platinum Cardholder and RM800 for his/her Covered Family members whose fare have been charged to RHB VISA/MASTERCARD Platinum Card Account or a maximum of RM1,000 for both the Covered RHB VISA/ MASTERCARD Platinum Cardholder and Covered Family Members.

4. **Luggage Loss**

If the Covered Person's accompanied checked-in luggage is not delivered to him or her within twenty

four (24) hours of the Covered Person's arrival at the scheduled destination point of his or her flight such luggage will be assured to be permanently lost and the Company will indemnify the Covered Person for RHB VISA/MASTERCARD Platinum Card charges incurred within three (3) days of his or her arrival at such scheduled destination in respect of the emergency purchase of essential clothing and requisites up to RM2,000 for the Covered RHB VISA/MASTERCARD Platinum Cardholder and RM2,000 for his/her Covered Family Members whose fare have been charged to RHB VISA/MASTERCARD Platinum Card Account or maximum RM3,000 for both the Covered RHB VISA/MASTERCARD Platinum Cardholder and Covered Family Members.

SCHEDULED FLIGHT

"Scheduled Flight" means flight in an aircraft where the airline is listed in the Official Airline Guide or ABC World Airways Guide where the air carrier holds a Certificate, License or similar authorization for scheduled air transportation issued by the relevant authorities in the Country in which the aircraft is registered and in accordance with such authorization, maintains and publishes schedules and tariffs for passenger service between named airports at regular and specific times.

EXCLUSIONS

The policy does not cover any Loss caused or contributed by:

1. War or any act of war whether declared or undeclared
2. Any illegal act by or on behalf of the Covered person and /or his beneficiaries
3. While serving as an operator or crew member of any conveyance
4. Confiscation or requisition by Customs or other Government authority
5. Failure to take reasonable measure to save or recover lost luggage
6. Failure to notify the relevant airline authorities of missing luggage at the destination point and to obtain and complete a Property Irregularity Report

CLAIMS

1. All information and evidence required by the Company or its agents shall be furnished at the expense of the Covered person or his or her personal representatives and shall be in such form and of such nature as the Company may prescribe.
2. Written notice of all claims must be given by or on behalf of the Covered Person within thirty (30) days, or as soon as reasonably possible, after the event giving rise to the claim to RHB Insurance Bhd, Level 12, The West Wing, The Icon, No 1, Jalan 1/68F, Jalan Tun Razak, 55000 Kuala Lumpur, Malaysia.
3. The following information must be supplied to RHB Insurance Bhd together with copies of Record of Charge forms relating to expenses incurred in respect of which indemnity is claimed under this insurance, the Record of Charge form verifying that the relevant flight tickets were charged to RHB VISA/MASTERCARD Platinum Card Account and, in respect of lost or delayed luggage the Property Irregularity Report obtained from the airline:-
 - Full details of the Flight(Flight Number, Departure Airport, Destination, Scheduled Time, Arrival Airport, etc)
 - Full details of the delay or loss incurred
 - Full details of expenses for which reimbursement is claimed.
4. Benefits payable under this insurance in respect of valid claims will be credited to the Covered Person's RHB VISA/MASTERCARD Platinum Card Account.

MAXIMUM INDEMNITY

Duplicate or multiple RHB VISA/MASTERCARD Platinum Cards shall not obligate the Company in excess of the limits stated herein for expenses incurred by any one individual Covered Person as a result of any one incident covered under this Policy.

AGGREGATE LIMIT OF INDEMNITY

Our maximum aggregate limit of indemnity in respect of all Insured Persons travelling in one aircraft or surface transport vehicle or vessel shall not exceed RM10,000,000.00 or the

aggregate amount of the Indemnity payable in respect of such Insured Persons, whichever is lesser, and shall not exceed RM10,000,000.00 any one occurrence/event.

In the event the said limit of Indemnity for any one is insufficient to pay the full amount payable for each Insured person, then the amount payable for each Insured Person shall be in the proportion that the limit of Indemnity for any one accident bears to the total amount of insurance that would have been payable except for such limit of Indemnity.

RHB BANK BERHAD
KAD KREDIT RHB VISA / MASTERCARD PLATINIUM
Perlindungan Insurans Kemalangan Perjalanan
Terma-terma dan syarat-syarat

Sijil Insurans

Pihak Dilindungi:

Seseorang itu akan hanya menjadi Pihak Yang Dilindungi di bawah Polisi Induk No. D02ATCC8507972KL jika:

1. Beliau adalah:
 - (a) Pemegang Kad Platinum RHB VISA/MASTERCARD yang dikeluarkan oleh RHB Bank di bawah nama beliau, atau
 - (b) Pasangan atau anak tanggungan yang berumur di bawah 23 tahun untuk seseorang yang layak seperti yang diterangkan di dalam (a) di atas; dan
2. Kad Platinum RHB VISA/MASTERCARD beliau dibilkan daripada Malaysia.

A. Insurans Kemalangan Perjalanan

<u>AMAUN FAEDAH</u>	<u>KAD PLATINIUM</u>
Kehilangan nyawa/ Kecacatan Keseluruhan Kekal	RM1,000,000
Kehilangan Kedua-dua Tangan atau Kedua-dua Kaki	RM1,000,000
Kehilangan Sebelah Tangan dan Sebelah Kaki	RM1,000,000
Kehilangan Keseluruhan Penglihatan bagi Kedua-dua Mata	RM1,000,000
Kehilangan keseluruhan bagi sebelah Mata, sebelah Tangan atau sebelah Kaki	RM1,000,000
Kehilangan sebelah Tangan atau sebelah Kaki	RM500,000
Kehilangan Keseluruhan Penglihatan bagi Sebelah Mata	RM500,000

Pihak Syarikat akan membayar faedah berkenaan jika Pihak Dilindungi mengalami sesuatu kehilangan akibat daripada sesuatu kecederaan semasa perlindungan masih berkuatkuasa di bawah Polisi, tetapi hanya jika sesuatu kehilangan itu berlaku dalam masa 100 hari selepas tarikh kemalangan yang menyebabkan kecederaan itu berlaku. Faedah akan dibayar bagi kehilangan yang paling besar. Pihak syarikat, dalam apa-apa keadaan pun, tidak akan membayar lebih daripada satu kehilangan akibat sebarang kemalangan yang dialami oleh Pihak Dilindungi.

“Kecederaan” bermakna kecederaan tubuh badan yang:

1. Disebabkan oleh sesuatu kemalangan yang berlaku semasa insurans Pihak Dilindungi masih berkuatkuasa di bawah polisi; dan
2. mengakibatkan kehilangan yang diinsuranskan oleh polisi, dan
3. mewujudkan sesuatu Kehilangan akibat kecederaan tubuh badan samaada secara langsung atau tidak langsung oleh kesemua sebab-sebab lain.

“Kecacatan Keseluruhan Kekal” seperti yang digunakan di atas bermakna bahawa Pihak Dilindungi itu cacat seluruhnya dan kekal dan ianya menghalang beliau daripada terlibat di dalam sesuatu dan setiap pekerjaan penggajian untuk pampasan atau keuntungan yang mana beliau layak disebabkan oleh pendidikan, latihan atau pengalaman beliau, dengan syarat kecacatan tersebut telah berterusan untuk tempoh dua belas bulan berturut-turut dan ianya adalah keseluruhan, berterusan dan kekal semasa tempoh itu berakhir.

“Kehilangan” seperti yang digunakan di atas yang merujuk kepada tangan atau kaki, bermakna pemutusan yang lengkap dan kekal melalui atau di atas pergelangan tangan atau pergelangan buku lali dan, seperti yang digunakan yang merujuk kepada mata, bermakna penglihatan bagi mata yang tidak dapat dipulihkan.

Dua atau lebih Kad Platinum RHB VISA/MASTERCARD tidak akan dalam apa jua keadaan pun menyebabkan obligasi Pihak Syarikat melebihi amaun perlu dibayar paling tinggi di bawah satu Kad tersebut, seperti yang termaktub dalam “Amaun Faedah”, untuk –sebarang kehilangan yang dialami oleh seorang individu yang dilindungi akibat daripada satu kemalangan.

PENERANGAN FAEDAH-FAEDAH

FAEDAH PENGANGKUTAN AWAM

Faedah ini perlu dibayar jika Pihak Dilindungi mengalami kecederaan yang disebabkan oleh:

- a) kemalangan yang berlaku semasa menjadi penumpang atau menaiki atau keluar daripada Pengangkutan Awam” untuk perjalanan yang dilindungi; atau
- b) dilanggar oleh sesuatu Pengangkutan Awam.

Pengangkutan Awam bermaksud syarikat penerbangan berjadual yang dilesenkan untuk membawa penumpang yang membayar sewa.

Sebuah perjalanan itu dikira Perjalanan yang Dilindungi jika:

1. a merupakan perjalanan oleh Pihak Dilindungi diantara tempat berlepas dan destinasi terakhir seperti yang tertera pada tiket Pihak Dilindungi itu; dan
2. tambang tiket Pihak Dilindungi untuk perjalanan itu telah dicajkan kepada Kad Platinum RHB VISA/MASTERCARD sebelum berlakunya sebarang kecederaan.

Syarat Perlindungan: Pihak Dilindungi akan diinsuranskan sepenuhnya untuk faedah-faedah di bawah polisi ini semasa mengikuti satu perjalanan di dalam Pengangkutan Awam hanya apabila keseluruhan tambang telah dicajkan kepada Kad Platinum RHB VISA/MASTERCARD.

PENGECUALIAN

Polisi ini tidak melindungi sebarang kerugian yang disebabkan atau diakibatkan oleh :

- (1) perbuatan bunuh diri atau kemusnahan diri atau sebarang ancaman perbuatan tersebut, sewaktu waras;
- (2) peperangan atau sebarang tindakan peperangan samada peperangan diisytiharkan atau tidak; (3) kecederaan yang disebabkan oleh perbuatan, atau percubaan untuk melakukan, perkara yang menyalahi undang-undang oleh pihak yang dilindungi atau bagi pihaknya dan/atau penerima faedah beliau;
- (3) cedera ketika berkhidmat sebagai pengendali atau ahli krew di dalam sebarang pengangkutan, atau
- (4) cedera akibat memandu, semasa menjadi penumpang, semasa menaiki atau keluar daripada kenderaan yang disewa.

Pembayaran Faedah-faedah: Faedah-faedah untuk kehilangan nyawa oleh pihak yang dilindungi akan dibayar kepada waris beliau. Faedah-faedah untuk lain-lain kerugian yang dialami oleh Pihak Dilindungi akan dibayar kepada Pihak Dilindungi tersebut, jika masih hidup, sebaliknya akan dibayar kepada waris beliau.

TUNTUTAN

Tuntutan secara bertulis perlu diserahkan kepada RHB Insurance Bhd, Level 12, The West Wing, The Icon, No 1, Jalan 1/68F, Jalan Tun Razak, 55000 Kuala Lumpur, Malaysia dalam tempoh dua puluh satu (21) hari sebaik berlakunya atau bermulanya kerugian yang dilindungi oleh Polisi ini, atau secepat yang mungkin. Faedah-faedah akan dibayar sebaik sahaja bukti-bukti bertulis untuk kerugian yang dilindungi

ini diterima. Faedah-faedah yang dinyatakan disini adalah tertakluk kepada semua terma dan syarat-syarat Polisi ini yang disimpan oleh RHB Bank Card Centre.

B. Kelewatan Penerbangan, Pembatalan atau Larangan Menaiki Pesawat, Ketinggalan Penerbangan Sambungan, Kelewatan Bagasi, Kehilangan Bagasi

PERLINDUNGAN

1. Kelewatan Penerbangan, Pembatalan atau Larangan Menaiki Pesawat

Sekiranya pelepasan penerbangan berjadual yang disahkan untuk Pihak Dilindungi terlewat selama empat (4) jam atau lebih, atau dibatalkan atau Pihak Dilindungi tidak dibenarkan menaiki pesawat disebabkan terlebih tempahan dan tiada pengangkutan alternatif disediakan untuk Pihak Dilindungi dalam tempoh empat (4) jam daripada tempoh berlepas mengikut jadual penerbangan itu, Pihak Syarikat akan membayar ganti rugi kepada Pihak Dilindungi tersebut untuk caj-caj Kad Platinum RHB VISA/MASTERCARD berkaitan dengan penginapan hotel dan makan di restoran atau makanan ringan sehingga RM800 untuk Kad Platinum RHB VISA/MASTERCARD berkenaan dan RM800 untuk ahli keluarga Pihak Dilindungi dimana tambang mereka telah dicajkan kepada Akaun Kad Platinum RHB VISA/MASTERCARD berkenaan atau jumlah maksima RM1,000 untuk kedua-dua pemegang kad Platinum RHB VISA/MASTERCARD yang dilindungi dan ahli keluarga yang dilindungi berkenaan.

2. Ketinggalan Penerbangan Sambungan

Jika Pihak Dilindungi ketinggalan penerbangan sambungan terus berjadual yang telah disahkan, disebabkan Pihak Dilindungi lambat tiba untuk meneruskan sambungan penerbangan berjadualnya dan tiada pengangkutan sambungan alternatif disediakan untuk Pihak Dilindungi dalam tempoh empat (4) jam daripadawaktu asal penerbangan beliau, Pihak Syarikat akan menanggung Pihak Dilindungi tersebut untuk caj-caj Kad Platinum RHB VISA/MASTERCARD berkaitan dengan penginapan hotel dan makan di restoran atau makanan ringan sehingga RM800 untuk Kad Platinum RHB VISA/MASTERCARD berkenaan dan RM800 untuk ahli keluarga Pihak Dilindungi dimana tambang mereka telah dicajkan kepada Akaun Kad Platinum RHB VISA/MASTERCARD berkenaan atau jumlah maksima RM1,000 untuk kedua-dua pemegang

kad Platinum RHB VISA/MASTERCARD yang dilindungi dan ahli keluarga yang dilindungi berkenaan.

3. Kelewatan Bagasi

Jika bagasi Pihak Dilindungi tidak dihantar kepada beliau dalam tempoh enam (6) jam setelah ketibaan Pihak Dilindungi ke destinasi yang dijadualkan oleh penerbangan beliau, Pihak Syarikat akan menanggung Pihak Dilindungi untuk caj-caj yang dibuat melalui Kad Platinum RHB VISA/MASTERCARD di destinasi tersebut untuk pembelian kecemasan keperluan pakaian dan keperluan asas sehingga RM800 untuk pemegang Kad Platinum RHB VISA/MASTERCARD berkenaan dan RM800 untuk ahli keluarga beliau yang dilindungi dimana tambang mereka juga telah dicajkan kepada Akaun Kad Platinum RHB VISA/MASTERCARD berkenaan atau jumlah maksima RM1,000 untuk kedua-dua pemegang kad Platinum RHB VISA/MASTERCARD yang dilindungi dan ahli keluarga yang dilindungi berkenaan.

4. Kehilangan Bagasi

Jika bagasi Pihak Dilindungi tidak dihantar kepada beliau dalam tempoh dua puluh empat (24) jam setelah ketibaan Pihak Dilindungi ke destinasi yang dijadualkan oleh penerbangan beliau, bagasi tersebut akan dianggap sebagai hilang secara kekal dan Pihak Syarikat akan menanggung Pihak Dilindungi bagi caj-caj yang dibuat melalui Kad Platinum RHB VISA/MASTERCARD dalam tempoh tiga (3) hari daripada tempoh ketibaan beliau ke destinasi yang dijadualkan berkaitan dengan pembelian kecemasan keperluan pakaian dan keperluan asas sehingga RM2,000 untuk pemegang Kad Platinum RHB VISA/MASTERCARD berkenaan dan RM2,000 untuk ahli keluarga beliau yang dilindungi dimana tambang mereka juga telah dicajkan kepada Akaun Kad Platinum RHB VISA/MASTERCARD berkenaan atau jumlah maksima RM3,000 untuk kedua-dua pemegang kad Platinum RHB VISA/MASTERCARD yang dilindungi dan ahli keluarga yang dilindungi berkenaan.

PENERBANGAN BERJADUAL

“Penerbangan Berjadual” bermaksud penerbangan di dalam pesawat udara di mana syarikat penerbangan itu tersenarai di dalam Petunjuk Penerbangan Rasmi atau Petunjuk Laluan Udara Sedunia ABC di mana syarikat penerbangan itu mempunyai Sijil, Lesen atau Pemberian kuasa sepertinya

untuk pengangkutan udara berjadual yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa berkaitan di dalam negara di mana pesawat udara itu didaftarkan dan menurut kuasa tersebut, menyimpan dan mengeluarkan jadual dan tariff untuk perkhidmatan penumpang di antara lapangan terbang yang dinamakan pada waktu yang tepat dan kerap.

PENGECUALIAN

Polisi ini tidak melindungi sebarang kerugian yang disebabkan atau diakibatkan oleh:

1. Peperangan atau sebarang tindakan peperangan samada peperangan diisytiharkan atau tidak.
2. Sebarang tindakan yang menyalahi undang-undang oleh pihak yang dilindungi atau bagi pihaknya dan/ atau penerima faedah beliau.
3. Ketika berkhidmat sebagai pengendali atau ahli krew di dalam sebarang pengangkutan
4. Disita atau dirampas oleh Kastam atau lain-lain pihak berkuasa Kerajaan.
5. Kegagalan untuk mengambil langkah berjaga-jaga yang sepatutnya bagi menyimpan atau menyelamatkan bagasi yang hilang.
6. Kegagalan untuk memaklumkan kepada pihak berkuasa penerbangan berkaitan tentang kehilangan bagasi di destinasi dan mendapatkan serta melengkapkan Laporan Harta Di luar Aturan ("Property Irregularity Report").

TUNTUTAN

1. Segala maklumat dan bukti yang diperlukan oleh Pihak Syarikat atau ejen-ejennya perlu diserahkan atas perbelanjaan Pihak Dilindungi atau wakil peribadinya dan ianya perlulah di dalam format atau keadaan seperti yang ditetapkan oleh Pihak Syarikat.
2. Tuntutan secara bertulis perlu diserahkan oleh atau bagi pihak Pihak Dilindungi dalam tempoh tiga puluh (30) hari, atau secepat yang mungkin, sebaik berlakunya perkara yang menimbulkan tuntutan, kepada RHB Insurance Bhd, Level 12, The West Wing, The Icon, No 1, Jalan 1/68F, Jalan Tun Razak, 55000 Kuala Lumpur, Malaysia.
3. Maklumat-maklumat berikut perlu diserahkan kepada RHB Insurance Bhd bersama-sama salinan borang-borang Caj Rekod yang berkaitan dengan perbelanjaan yang merujuk kepada indemniti yang dituntut dibawah insurans ini, borang caj rekod yang mengesahkan tiket-tiket penerbangan berkaitan telah dicajkan kepada Akaun Kad Platinum RHB VISA/MASTERCARD dan, berkaitan dengan kehilangan atau kelewatan

bagasi, Laporan Harta Di luar Aturan ("Property Irregularity Report") yang diperolehi daripada syarikat penerbangan:- maklumat penerbangan lengkap (Nombor Penerbangan, Lapangan Terbang Berlepas, Destinasi, Masa Dijadual, Lapangan Terbang Ketibaan, dll.)

Maklumat lengkap tentang kelewatan atau kehilangan yang berlaku.

Maklumat lengkap perbelanjaan dimana pembayaran balik adalah dituntut.

4. Faedah-faedah perlu dibayar dibawah insurans ini yang berkaitan dengan tuntutan yang disahkan akan dikreditkan ke dalam Akaun Kad Platinum RHB VISA/ MASTERCARD pihak yang dilindungi.

INDEMNITI MAKSIMA

Dua atau lebih Kad Platinum RHB VISA/MASTERCARD tidak akan menyebabkan obligasi kepada Syarikat melebihi tahap yang dinyatakan didalam ini untuk perbelanjaan oleh manamana Pihak Dilindungi individu akibat alah satu insiden yang dilindungi oleh Polisi ini.

TAHAP AGREGAT INDEMNITI

Tahap Agregat Maksima Indemniti kami yang berkaitan dengan semua Pihak Dilindungi yang membuat perjalanan di dalam sebuah pesawat udara atau kenderaan pengangkutan darat atau kapal laut tidak akan melebihi RM10,000,000.00 atau amaun agregat indemniti perlu dibayar berkaitan Pihak Dilindungi, yang mana lebih rendah dan tidak boleh melebihi RM10,000,000.00 untuk setiap kejadian/peristiwa.

Di dalam keadaan di mana tahap indemniti bagi seseorang tidak mencukupi untuk membayar jumlah perlu dibayar untuk setiap Pihak Dilindungi, maka amaun perlu dibayar tersebut untuk setiap Pihak Dilindungi ialah dalam perkadaran bahawa tahap indemniti untuk sebarang kemalangan ialah berkaitan dengan jumlah amaun insurans yang sepatutnya perlu dibayar kecuali untuk tahap indemniti tersebut.